

SOALAN LAZIM (FAQ)

DASAR KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA 2030

1. **Apakah sebenarnya Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2030 (DKMN 2030) dan mengapakah ianya penting?**

DKMN 2030 merupakan kerangka transformasi strategik yang dirangka untuk memperkukuh keterjaminan makanan negara melalui sistem agromakanan yang lebih cekap, berdaya tahan, mampan, dan terangkum. Dasar ini dibangunkan secara rentas kementerian yang menjadi pemacu utama dalam menjamin bekalan makanan yang bukan sahaja mencukupi, malah selamat, berkhasiat dan mampu milik bagi seluruh lapisan rakyat.

2. **Adakah keterjaminan makanan hanya bermaksud kita mempunyai bekalan makanan yang cukup?**

Tidak. Di bawah kerangka **DKMN 2030**, keterjaminan makanan membawa dimensi yang lebih holistik dan mendalam. Ia melampaui aspek kuantiti dengan merangkumi enam (6) dimensi keterjaminan iaitu **Ketersediaan** (kecukupan bekalan), **Kebolehcapaian** (kemampuan membeli), **Penggunaan** (pemakanan seimbang, bersih dan selamat), **Kestabilan** (daya tahan semasa krisis), **Kemampanan** (memelihara ekosistem alam sekitar untuk masa depan) dan **Agensi** (hak individu untuk menentukan pilihan makanan).

3. **Bagaimanakah dasar ini menangani kenaikan harga barang dan memastikan makanan mampu milik?**

DKMN 2030 menangani isu kenaikan harga barang dan memastikan makanan kekal mampu milik melalui pendekatan serampang dua mata yang memfokuskan kepada pengukuhan kuasa beli rakyat dan kestabilan harga di pasaran. Dari sudut kebolehcapaian, dasar ini memperkukuh jaringan keselamatan sosial melalui pelaksanaan subsidi bersasar serta program bantuan makanan khusus untuk melindungi golongan rentan

daripada kejutan ekonomi dan inflasi. Secara ringkas, strategi ini memastikan individu mempunyai keupayaan kewangan yang stabil untuk memperoleh keperluan makanan harian.

Pada masa yang sama, Kerajaan proaktif dalam meningkatkan produktiviti domestik bagi mengurangkan kebergantungan kepada import yang sering terkesan oleh turun naik harga pasaran global. Melalui inisiatif pendigitalan, pemberian subsidi input dan output yang lebih tepat serta perluasan akses pasaran, para petani dibantu untuk mengoptimumkan pengeluaran serta meminimumkan kos operasi. Peningkatan kecekapan ini secara langsung akan menurunkan harga produk di peringkat ladang, sekali gus membolehkan harga makanan di pasaran kekal rendah dan mampu milik oleh seluruh lapisan masyarakat.

4. Apakah langkah kerajaan untuk membantu golongan B40 dan mereka yang kurang berkemampuan melalui dasar ini?

DKMN 2030 memberi keutamaan khusus kepada golongan rentan. Di bawah Misi 4, kerajaan berusaha meningkatkan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi yang terangkum. Inisiatif termasuk memperkasakan sosioekonomi masyarakat Orang Asli dan komuniti setempat, mempelbagaikan sumber pendapatan golongan berpendapatan rendah serta melaksanakan program seperti Bank Makanan untuk menyalurkan lebihan makanan kepada mereka yang memerlukan.

5. Adakah dasar ini akan mengubah apa yang anak-anak makan di sekolah?

Misi 3 memberi tumpuan kepada pemakanan sihat. Salah satu inisiatif utama adalah memperluas program pemakanan di sekolah melalui Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (*HiTS for All*). Ini bertujuan menyediakan makanan yang seimbang untuk murid sekolah bagi menangani masalah malpemakanan dan memastikan pertumbuhan kanak-kanak yang sihat.

6. Mengapakah kerajaan memberi tumpuan kepada "makanan sihat" dan bukan sekadar "makanan murah"?

Malaysia menghadapi beban berganda malpemakanan, iaitu masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak dan kadar obesiti yang tinggi dalam kalangan orang dewasa. Oleh itu, DKMN 2030 berhasrat mengurangkan penyakit tidak berjangkit (NCD) berkaitan diet. Inisiatif yang dilaksanakan termasuklah pengenalan label gred-nutrien pada minuman, kempen "*Eat Healthy, Go Local*" dan sekatan pemasaran produk tidak sihat kepada kanak-kanak.

7. Apakah peranan rakyat sebagai pengguna dalam menjayakan dasar ini?

Rakyat digalakkan menjadi Pengguna Bijak. Rakyat disarankan untuk menyokong produk tempatan melalui kempen seperti "*Eat Healthy, Go Local*" dan membuat pilihan pemakanan yang sihat. Selain itu, pengguna juga digesa untuk mengurangkan pembaziran makanan, memandangkan kadar pembaziran makanan di Malaysia memberikan bebanan besar kepada sistem makanan negara. Dasar ini menggalakkan perubahan tingkah laku ke arah penggunaan yang lebih mampan.

8. Negara kita banyak bergantung kepada makanan import. Adakah ini akan berubah?

DKMN 2030 menyedari risiko kebergantungan import yang tinggi. Strateginya adalah untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran domestik bagi tanaman kritikal dan input pertanian, menggalakkan penggunaan teknologi moden, mengoptimumkan penggunaan tanah, memperkasa aktiviti penyelidikan serta meningkatkan kecekapan logistik dan infrastruktur di sepanjang rantai bekalan. Selain itu, Selain itu, kepelbagaian sumber import akan dilaksanakan bagi mengelakkan pergantungan kepada sesebuah negara sahaja. Langkah ini penting bagi menjamin ketersediaan bekalan makanan ruji seperti beras serta mengurangkan risiko gangguan rantai bekalan.

9. Bagaimanakah KPKM menangani isu tanah sawah yang kecil dan kemiskinan pesawah melalui dasar ini?

KPKM menerajui inisiatif seperti SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB). Program ini bertujuan menyatukan lot-lot sawah padi yang kecil dan berpecah milik menjadi satu ladang berskala besar yang diuruskan secara profesional dan komersial. Dengan kerjasama agensi, KPKM memastikan pengurusan rantai bekalan yang lebih cekap, penyediaan jentera moden dan peningkatan hasil tuaian yang seterusnya meningkatkan pendapatan pesawah dan mengeluarkan pesawah daripada kepompong kemiskinan.

10. Bagaimanakah rakyat boleh mengetahui sama ada tahap keterjaminan makanan negara semakin baik atau sebaliknya?

Kerajaan memantau tahap keterjaminan makanan negara melalui **Kluster Indikator Keterjaminan Makanan** di bawah mekanisme tadbir urus DKMN 2030. Penilaian ini tidak lagi terhad kepada data kuantiti pengeluaran semata-mata tetapi telah diperluas untuk merangkumi keenam-enam dimensi keterjaminan. Ini bermakna kerajaan juga mengukur aspek kepelbagaian pemakanan, kecukupan mikronutrien, ekonomi kitaran dan jurang akses kepada makanan bagi memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat yang sewajarnya.